

Sungai jadi mangsa

KAJANG - Sungai Sekamat, di sini dahulunya mempunyai air yang jernih sehingga menjadi tempat mandi-manda.

Namun, pembangunan, ditambah pula dengan sikap setengah penduduk di Kampung Tengah mencari jalan mudah membuang sampah di sungai itu, telah mengubah keadaan.

Sungai itu kini bukan sahaja semakin cetek, malah airnya berkeladak dan dicemari sampah-sarap.

Alasan penduduk membuang sisa domestik harian mereka ke sungai ialah tiadanya tong sampah.

"Tahun lepas Alam Flora

ada menyediakan tong sampah tapi beberapa hari lepas tu, tong telah diambil semula," kata seorang penduduk, Mohammad Yop Maarof.

Dia memberi alasan, penduduk menghadapi masalah melupuskan sampah yang semakin banyak, apatah lagi jumlah penduduk pula kian bertambah.

Selain membuang ke sungai, ada penduduk bakar sendiri sampah di belakang rumah.

Seorang lagi penduduk, Mimi Munirah Abdul Munir mengaku pernah membuang sampah di sungai tersebut.

"Saya terpaksa buang di

sungai kerana sampah cepat dihinggapi lalat dan busuk," katanya.

Menurut Mimi Munirah, kebiasaannya sampah dibuang ketika air sungai deras.

Dia berharap Alam Flora dapat menyediakan tong sampah bagi mengelak pencemaran sungai.

Sementara itu, jurucakap Alam Flora Sdn. Bhd. berkata, pihaknya hanya mengikut arahan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

"Sekiranya penduduk inginkan tong sampah, mereka perlulah berurusan dengan MPKj terlebih dahulu," katanya.



PEMANDANGAN yang menyakitkan mata di Sungai Sekamat, Kajang apabila aliran air tersekat akibat sampah yang dibuang.